



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***PENGGUNAAN KOSA KATA DALAM BUKU TEKS BAHASA ARAB
SEKOLAH RENDAH***

MOHD KHAIRIL HANIF BIN RAMLI

FBMK 2015 98



**PENGGUNAAN KOSA KATA DALAM
BUKU TEKS BAHASA ARAB
SEKOLAH RENDAH**

MOHD KHAIRIL HANIF BIN RAMLI

**MASTER BAHASA
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

2015



**PENGGUNAAN KOSA KATA DALAM BUKU TEKS BAHASA ARAB
SEKOLAH RENDAH**

Oleh

MOHD KHAIRIL HANIF BIN RAMLI

**Tesis Dikemukakan Kepada Sekolah Pengajian Siswazah,
Universiti Putra Malaysia, Sebagai Memenuhi
Keperluan Untuk Ijazah Master Sastera**

Januari 2015

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia.



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sastera.

PENGGUNAAN KOSA KATA DALAM BUKU TEKS BAHASA ARAB SEKOLAH RENDAH

Oleh

MOHD KHAIRIL HANIF BIN RAMLI
Januari 2015

Pengerusi: Ab. Halim bin Mohamad, PhD
Fakulti: Bahasa Moden dan Komunikasi

Kosa kata memainkan peranan penting dalam menentukan kejayaan sesuatu proses pembelajaran dalam kalangan pelajar. Oleh yang demikian, meletak kosa kata yang sesuai dalam bahan sokongan belajar seperti buku teks adalah sangat mustahak dan perlu diberi perhatian. Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti asas pemilihan kosa kata dalam pembelajaran bahasa Arab. Kajian ini juga bertujuan menganalisis kesesuaian kosa kata dalam buku teks tahun satu, dua, tiga dan empat dengan tahap pelajar dan juga menghuraikan tahap penguasaan kosa kata dalam kalangan pelajar tahun enam. Berdasarkan kaedah kajian kepustakaan, pengkaji telah mengenal pasti asas pemilihan kosa kata berdasarkan teori yang dikemukakan oleh para sarjana pendidikan bahasa. Kajian ini juga berasaskan kaedah analisis kandungan bagi menganalisis kosa kata dalam buku teks. Hasil daripada penelitian tersebut pengkaji mendapati bahawa terdapat pertambahan bilangan kosa kata secara berperingkat pada setiap buku. Namun begitu penambahan kosa kata berlaku secara tidak konsisten apabila buku tahun empat menunjukkan peningkatan jumlah bilangan perkataan yang begitu banyak, iaitu berjumlah 335 patah perkataan berbanding jumlah perkataan dalam buku tahun tiga yang berjumlah 184 patah perkataan, buku tahun dua berjumlah 176 patah perkataan dan buku tahun satu berjumlah 131 patah perkataan. Analisis jenis kosa kata menunjukkan bahawa sebahagian besar kosa kata dalam buku teks tersebut adalah terdiri daripada golongan kata nama. Manakala analisis tahap senang dan sukar kosa kata pula menunjukkan bahawa kebanyakan bentuk kosa kata adalah terdiri daripada kosa kata pendek dan mudah. Hasil analisis terhadap kata pinjaman Arab dalam empat buah buku tersebut menunjukkan bahawa peratusan kata pinjaman Arab semakin berkurangan daripada satu buku ke buku yang lain. Analisis kata nama konkrit dan abstrak menunjukkan bahawa jumlah kata nama konkrit melebihi jumlah kata nama abstrak. Hasil analisis terhadap kekerapan kosa kata pula menunjukkan bahawa pengulangan perkataan dalam buku teks bahasa Arab tersebut adalah berada ditahap minima. Akhir sekali, pengkaji menggunakan kaedah kajian lapangan bagi menghuraikan tahap penguasaan kosa kata dalam kalangan murid tahun enam. Responden merupakan 150 orang murid daripada lima buah sekolah di sekitar Kuala Lumpur. Hasil kajian yang dijalankan ini menunjukkan bahawa sebanyak 76.67 peratus murid telah melepasi ujian yang

dijalankan. Diharapkan kajian ini dapat memberi manfaat kepada semua yang terlibat sama ada dalam kalangan pelajar, guru, penggubal kurikulum, penulis buku teks dan sebagainya.



Abstract of thesis presented to the Senate of Universti Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the degree Master of Arts.

USE OF VOCABULARY IN THE PRIMARY SCHOOL'S ARABIC TEXTBOOK

By

MOHD KHAIRIL HANIF BIN RAMLI

January 2015

Chair: Ab. Halim bin Mohamad, PhD

Faculty: Modern Languages and Communication

Vocabulary plays an important role in determining the success of student learning process. Therefore, placing appropriate vocabulary in the text books are very important and should be given attention. The purpose of this study was to identify the basic principles of vocabulary selection for learning Arabic, as well as to analyze the suitability of a vocabulary in the Arabic textbooks for years one, two, three and four with the level of students and also to describe the level of vocabulary mastery among year six students. With library research method, researcher managed to describe the words selection criteria, based on theories of vocabulary acquisition put forward by scholars of language education. This study also based on the content analysis method to analyze vocabulary in the Arabic textbooks for years one, two, three and four. Results of the study indicate that there was an increase in the number of vocabulary from book to another book. However the addition of vocabulary occur inconsistently when year four textbook showed the total number of words so much that amounted to 335 words compared to the number of words in the year three textbook amounting to 184 words, year two textbook of 176 words and year one textbook amounted to 131 words. Analysis the types of vocabulary showed that most of the vocabulary in that Arabic textbooks are from the noun. While the analysis of the level of easy and difficult vocabulary shows that most forms of vocabulary in the textbooks are made up of short words and simple. Analysis of loan Arabic words in the textbooks can identify that the words downwards from book to the other book. Analysis of concrete and abstract noun also, was found that the concrete noun exceeds the number of abstract noun from the total of the nouns in that Arabic textbooks. Analysis on frequency vocabulary shows that repeat the word in all that Arabic textbooks is the minimum to be ranked. The next review is related to the level of mastery of vocabulary. This study involves 150 students from five schools around Kuala Lumpur. The study carried out shows of 76.67 per cent of students have passed the tests carried out. It is hoped that this research will benefit all involved, whether among students, teachers, curriculum designers, author of text books and so on.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, saya mengucapkan rasa syukur kehadiran Allah s.w.t kerana dengan limpah rahmat dan hidayah-Nya, saya dapat menyelesaikan tesis ini. Selawat serta salam kepada junjungan Nabi Muhammad s.a.w yang menjadi contoh tauladan hingga akhir zaman.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga saya tujukan kepada penyelia saya Prof. Madya Dr. Ab. Halim bin Mohamad yang banyak membimbing dan memberi tunjuk ajar sehingga tesis ini dapat diselesaikan dengan baik. Ucapan terima kasih saya juga ditujukan kepada semua pensyarah yang memberi ilmu, dorongan serta sokongan sepanjang pengajian dijalankan.

Penghargaan dan terima kasih ditujukan khusus kepada keluarga saya yang telah memberikan sokongan padu agar dapat menyelesaikan pengajian ini. Kepada ibu tercinta Azizah binti Razali dan ayah tersayang Ramli bin Hassan berkat doa dan dorongan semangat yang diberikan kalian berdua akhirnya saya berjaya menyelesaikan pengajian ini.

Tidak dilupakan juga ucapan penghargaan dan terima kasih kepada isteri tercinta Najmatulhaya binti Halim yang banyak memberi dorongan dan semangat untuk menyiapkan kajian ini. Buat anak-anak tersayang, Umar, Abdullah dan Asmaa' semoga pengajian ini menjadi pendorong buat kalian menjadi insan pencinta ilmu sepanjang hayat. Akhir sekali, penghargaan ini ditujukan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung.

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada 28 Januari 2015 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Mohd Khairil Hanif bin Ramli bagi menilai tesis beliau yang bertajuk “Penggunaan Kosa Kata dalam Buku Teks Bahasa Arab Sekolah Rendah” mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Master Sastera.

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

Ahmad Mahmood bin Musanif, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Che Radiah binti Mezah, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Pabiyah Hajimaming@Pabiyah Toklubok, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi,
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Mohammad bin Seman, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa dan Linguistik
Universiti Malaya
(Pemeriksa Luar)

ZULKARNAIN ZAINAL, PhD

Profesor dan Timbalan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 15 April 2015

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sastera. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Ab. Halim bin Mohamad, PhD

Profesor Madya,
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi,
Universiti Putra Malaysia.
(Pengerusi)

Abd Rauf bin Hassan, PhD

Profesor Madya,
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi,
Universiti Putra Malaysia.
(Ahli)

Muhammad Fauzi bin Jumingan, PhD

Profesor Madya,
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi,
Universiti Putra Malaysia.
(Ahli)

BUJANG BIN KIM HUAT, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 14 Mei 2015

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: _____ Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik: _____

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: _____
Nama Pengerusi
Jawatankuasa
Penyeliaan _____

Tandatangan: _____
Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan _____

Tandatangan: _____
Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan _____

Tandatangan: _____
Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan _____

SENARAI KANDUNGAN

	Muka Surat
ABSTRAK	i
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	iv
PENGESAHAN	v
PERAKUAN	vii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI LAMPIRAN	xv
DAFTAR SINGKATAN KATA	xvi
JADUAL TRANSLITERASI	xvii
BAB	
1 PENDAHULUAN	
1.0 Latar Belakang Kajian	1
1.0.1 Jenis Kosa Kata Bahasa Arab	3
1.0.2 Asas Pemilihan Kosa Kata	4
1.1 Permasalahan Kajian	5
1.1.1 Penguasaan Kosa Kata	5
1.1.2 Penilaian Buku Teks	6
1.1.3 Kosa Kata dalam Buku Teks	7
1.2 Persoalan Kajian	8
1.3 Objektif Kajian	8
1.4 Kepentingan Kajian	8
1.5 Kaedah Kajian	9
1.5.1 Kajian Kepustakaan	9
1.5.2 Analisis Kandungan	10
1.5.3 Kajian Lapangan	10
1.6 Batasan Kajian	11
1.6.1 Kosa Kata	11
1.6.2 Buku Teks Bahasa Arab	11
1.7 Definisi Operasional	11
1.7.1 Kosa Kata	12
1.7.2 Buku Teks	12
1.7.3 KSSR	12
1.7.4 j-QAF	12
1.8 Kesimpulan	12
2 SOROTAN LITERATUR DAN KERANGKA TEORITIKAL	
2.0 Pengenalan	15
2.1 Kajian- Kajian Lalu	15
2.2 Hubungan Kosa Kata dengan Kebolehbacaan Teks	17
2.3 Pemerolehan Kosa Kata	19
2.4 Masalah Pembelajaran Kosa Kata	21
2.5 Strategi Pengajaran Kosa Kata	23

2.5.1	Strategi Penemuan Awal Perkataan Baharu	24
2.5.2	Strategi Pengukuhan	24
2.6	Kriteria Pemilihan Kosa Kata	25
2.6.1	Bersifat Mudah diperoleh	26
2.6.1.1	Kosa Kata Pendek	27
2.6.1.2	Kosa Kata Pinjaman Arab	27
2.6.2	Kosa Kata Konkrit	28
2.6.3	Kosa Kata yang Meluas Penggunaannya	29
2.7	Kesimpulan	32
3	ANALISIS KOSA KATA DALAM BUKU TEKS	
3.0	Pengenalan	33
3.1	Kaedah Pengumpulan Data	33
3.1.1	Pemilihan Buku Teks yang dikaji	33
3.1.2	Teknik Menghitung Kosa Kata	35
3.2	Pengumpulan Data dan Reka Bentuk Penyelidikan	36
3.3	Analisis Kosa Kata dalam Buku Teks	37
3.3.1	Analisis Jumlah Kosa Kata	37
3.3.2	Analisis Jenis Kosa Kata	37
3.3.3	Analisis Tahap Kesukaran Bentuk Kosa Kata	40
3.3.3.1	Analisis Tahap Kesukaran Bentuk Kosa Kata bagi Kategori Kata Nama	40
3.3.3.2	Analisis Tahap Kesukaran Bentuk Kosa Kata bagi Kategori Kata Kerja	43
3.3.3.3	Analisis Tahap Kesukaran Bentuk Kosa Kata bagi Kategori Partikel	46
3.3.4	Analisis Kata Pinjaman Arab	49
3.3.5	Analisis Kata Nama Konkrit dan Abstrak	50
3.3.6	Analisis Kekerapan Kosa Kata dalam Buku Teks BA	53
3.4	Kesimpulan	57
4	PENGUJIAN PENGUASAAN KOSA KATA DALAM KALANGAN PELAJAR	
4.0	Pengenalan	59
4.1	Kaedah Pengujian	59
4.1.1	Responden	59
4.1.2	Instrumen	59
4.1.3	Bentuk Ujian	60
4.1.4	Pembinaan Bahan Ujian	62
4.2	Analisis Data Pengujian	64
4.2.1	Cara Menganalisis Ujian	64
4.2.2	Hasil Pengujian	64
4.2.2.1	Tahap Penguasaan Kosa Kata dalam Kalangan Murid Tahun Enam Mengikut Jenis Ujian	65
4.2.2.2	Kosa Kata yang dikuasai oleh Murid Tahun Enam Mengikut Jenis Ujian	67
4.3	Kesimpulan	68

5	RUMUSAN DAN CADANGAN	
5.0	Pengenalan	69
5.1	Rumusan Kajian	69
5.1.1	Asas Pemilihan Kosa Kata	69
5.1.2	Kosa Kata dalam Buku Teks BA KSSR	70
5.1.3	Tahap Penguasaan Kosa Kata Pelajar	71
5.2	Cadangan	72
5.2.1	Penggubal Kurikulum	72
5.2.2	Penerbit dan Penulis Buku Teks	72
5.2.3	Guru	72
5.3	Cadangan Kajian Lanjutan	73
5.4	Kesimpulan	73
	BIBLIOGRAFI	74
	LAMPIRAN	81
	BIODATA PELAJAR	116
	PENERBITAN	117

SENARAI JADUAL

Jadual	Muka Surat
3.1 Butiran Bahan yang dikaji	33
3.2 Status Penggunaan Buku Teks Bahasa Arab di Sekolah Rendah	34
3.3 Jumlah Perkataan dalam Buku Teks Bahasa Arab Tahun Satu, Dua, Tiga dan Empat	37
3.4 Jumlah Perkataan dalam Buku Teks Bahasa Arab Tahun Satu, Dua, Tiga dan Empat Mengikut Jenis Kosa Kata	38
3.5 Jumlah Perkataan dalam Buku Teks Bahasa Arab Tahun Satu, Dua, Tiga dan Empat Mengikut Tahap Kesukaran Bentuk Kosa Kata bagi Kategori Kata Nama	40
3.6 Jumlah Perkataan dalam Buku Teks Bahasa Arab Tahun Satu, Dua, Tiga dan Empat Mengikut Tahap Kesukaran Bentuk Kosa Kata bagi Kategori Kata Kerja	44
3.7 Jumlah Perkataan dalam Buku Teks Bahasa Arab Tahun Satu, Dua, Tiga dan Empat Mengikut Tahap Kesukaran Bentuk Kosa Kata bagi Kategori Partikel	47
3.8 Jumlah Kata Pinjaman Arab dalam Buku Teks Bahasa Arab Tahun Satu, Dua, Tiga dan Empat	50
3.9 Jumlah Kata Nama Konkrit dan Kata Nama Abstrak dalam Buku Teks Bahasa Arab Tahun Satu, Dua, Tiga dan Empat	51
3.10 Jumlah Kekerapan Perkataan dalam Buku Teks Bahasa Arab Tahun Satu, Dua, Tiga dan Empat	53
4.1 Gred Ujian Sekolah Rendah bagi Tahun Satu hingga Enam	64
4.2 Pencapaian Murid Tahun Enam dalam Ujian Kosa Kata Mengikut Kategori Ujian	65
4.3 Senarai Kosa Kata yang dikuasai oleh Murid Tahun Enam Mengikut Kategori Ujian di Tahap 80 hingga 100 peratus	67

SENARAI RAJAH

Rajah		Muka Surat
3.1	Peratusan Jumlah Kosa Kata Mengikut Jenis Kosa Kata dalam Buku Teks Bahasa Arab Tahun Satu	38
3.2	Peratusan Jumlah Kosa Kata Mengikut Jenis Kosa Kata dalam Buku Teks Bahasa Arab Tahun Dua	39
3.3	Peratusan Jumlah Kosa Kata Mengikut Jenis Kosa Kata dalam Buku Teks Bahasa Arab Tahun Tiga	39
3.4	Peratusan Jumlah Kosa Kata Mengikut Jenis Kosa Kata dalam Buku Teks Bahasa Arab Tahun Empat	40
3.5	Peratusan Jumlah Kata Nama Mengikut Tahap Kesukaran Bentuk Kosa Kata dalam Buku Teks Bahasa Arab Tahun Satu	42
3.6	Peratusan Jumlah Kata Nama Mengikut Tahap Kesukaran Bentuk Kosa Kata dalam Buku Teks Bahasa Arab Tahun Dua	42
3.7	Peratusan Jumlah Kata Nama Mengikut Tahap Kesukaran Bentuk Kosa Kata dalam Buku Teks Bahasa Arab Tahun Tiga	43
3.8	Peratusan Jumlah Kata Nama Mengikut Tahap Kesukaran Bentuk Kosa Kata dalam Buku Teks Bahasa Arab Tahun Empat	43
3.9	Peratusan Jumlah Kata Kerja Mengikut Tahap Kesukaran Bentuk Kosa Kata dalam Buku Teks Bahasa Arab Tahun Satu	45
3.10	Peratusan Jumlah Kata Kerja Mengikut Tahap Kesukaran Bentuk Kosa Kata dalam Buku Teks Bahasa Arab Tahun Dua	45
3.11	Peratusan Jumlah Kata Kerja Mengikut Tahap Kesukaran Bentuk Kosa Kata dalam Buku Teks Bahasa Arab Tahun Tiga	46
3.12	Peratusan Jumlah Kata Kerja Mengikut Tahap Kesukaran Bentuk Kosa Kata dalam Buku Teks Bahasa Arab Tahun Empat	46
3.13	Peratusan Jumlah Partikel Mengikut Tahap Kesukaran Bentuk Kosa Kata dalam Buku Teks Bahasa Arab Tahun Satu	48

3.14	Peraturan Jumlah Partikel Mengikut Tahap Kesukaran Bentuk Kosa Kata dalam Buku Teks Bahasa Arab Tahun Dua	48
3.15	Peraturan Jumlah Partikel Mengikut Tahap Kesukaran Bentuk Kosa Kata dalam Buku Teks Bahasa Arab Tahun Tiga	49
3.16	Peraturan Jumlah Partikel Mengikut Tahap Kesukaran Bentuk Kosa Kata dalam Buku Teks Bahasa Arab Tahun Empat	49
3.17	Peraturan Jumlah Kata Pinjaman Arab dalam Buku Teks Bahasa Arab Tahun Satu, Dua, Tiga dan Empat	50
3.18	Peraturan Jumlah Kata Nama Konkrit dan Kata Nama Abstrak dalam Buku Teks Bahasa Arab Tahun Satu	51
3.19	Peraturan Jumlah Kata Nama Konkrit dan Kata Nama Abstrak dalam Buku Teks Bahasa Arab Tahun Dua	52
3.20	Peraturan Jumlah Kata Nama Konkrit dan Kata Nama Abstrak dalam Buku Teks Bahasa Arab Tahun Tiga	52
3.21	Peraturan Jumlah Kata Nama Konkrit dan Kata Nama Abstrak dalam Buku Teks Bahasa Arab Tahun Empat	53
3.22	Peraturan Jumlah Kekekapan Kosa Kata dalam Buku Teks Bahasa Arab Tahun Satu	55
3.23	Peraturan Jumlah Kekekapan Kosa Kata dalam Buku Teks Bahasa Arab Tahun Dua	55
3.24	Peraturan Jumlah Kekekapan Kosa Kata dalam Buku Teks Bahasa Arab Tahun Tiga	56
3.25	Peraturan Jumlah Kekekapan Kosa Kata dalam Buku Teks Bahasa Arab Tahun Empat	56
4.1	Aras Taksonomi Objektif Pengajaran Kognitif	62
4.2	Peraturan Pencapaian Murid Tahun Enam Mengikut Gred dalam Ujian Kata Nama Konkrit	66
4.3	Peraturan Pencapaian Murid Tahun Enam Mengikut Gred dalam Ujian Kata Nama Abstrak	66
4.4	Peraturan Pencapaian Murid Tahun Enam Mengikut Gred dalam Ujian Kata Kerja	67

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran		Muka Surat
A	Senarai Kosa Kata dalam Buku Teks Tahun Satu	81
B	Senarai Kosa Kata dalam Buku Teks Tahun Dua	83
C	Senarai Kosa Kata dalam Buku Teks Tahun Tiga	85
D	Senarai Kosa Kata dalam Buku Teks Tahun Empat	87
E	Ujian Kosa Kata (Kata Nama Konkrit)	91
F	Ujian Kosa Kata (Kata Nama Abstrak)	100
G	Ujian Kosa Kata (Kata Kerja)	108

DAFTAR SINGKATAN KATA

BA	Bahasa Arab
BBT	Bahagian Buku Teks
BPK	Bahagian Pembangunan Kurikulum
DBP	Dewan Bahasa dan Pustaka
DSKP	Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran
j-QAF	Jawi, al-Quran, Bahasa Arab dan FardhuAin
KSSR	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
SK	Sekolah Kebangsaan
SPBT	Skim Pinjaman Buku Teks



JADUAL TRANSLITERASI

(Rujukan: Pedoman Transliterasi Perkataan Arab ke Ejaan Rumi Edisi Kedua (2008), Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur)

1. Konsonan

Huruf Arab	Huruf Rumi	Huruf Arab	Huruf Rumi
ا	-	ط	ṭ
ب	b	ظ	ẓ
ت	t	ع	‘
ث	th	غ	gh
ج	j	ف	f
ح	ḥ	ق	q
خ	kh	ك	k
د	d	ل	l
ذ	dh	م	m
ر	r	ن	n
ز	z	و	w
س	s	ه	h
ش	sh	ء	’
ص	ṣ	ي	y
ض	ḍ	ة	ah*

* Ditransliterasikan sebagai ‘at’ dalam konteks gabungan dua perkataan.

2. Vokal

Pendek	Panjang	Diftong
_____ a	ا _____ ā	اي _____ ay
_____ i	ي _____ ī	او _____ aw
_____ u	و _____ ū	



BAB SATU

PENDAHULUAN

Dalam bab ini satu tinjauan umum akan dijelaskan berkenaan dua elemen penting yang menjadi tajuk kajian, iaitu kosa kata dan buku teks. Huraian akan ditumpukan kepada pengertian dan juga peranan dua elemen tersebut. Dalam bahagian berikut, penjelasan tentang permasalahan kajian dibincangkan. Seterusnya dinyatakan objektif kajian dan dibincangkan secara ringkas tentang kepentingan kajian, kaedah kajian dan batasan kajian. Pengkaji juga mengemukakan beberapa definisi operasional dan mengakhiri bab ini dengan kesimpulan.

1.0 Latar Belakang Kajian

Bahasa Arab (BA) peringkat rendah mula diperkenalkan secara rasminya oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) melalui program j-QAF dan mula dilaksanakan di 1221 buah sekolah kebangsaan pada tahun 2005. Program ini dilaksanakan untuk memperkasakan pendidikan Islam melalui penekanan khusus kepada pengajaran jawi, al-Quran, bahasa Arab dan fardu ain (Buku Panduan Kursus Pemantapan Pelaksanaan Kurikulum Pendidikan Islam KBSR, 2007). Sehingga kini, pengajaran BA telah dilaksanakan sepenuhnya kepada murid di sekolah kebangsaan yang terpilih.

Perkembangan pendidikan BA yang sangat ketara ini memerlukan satu kajian khusus, terutamanya kajian berkaitan dengan penyediaan bahan pengajaran BA sebagai bahasa asing dan lebih khusus lagi kajian terhadap buku teks yang diiktiraf sebagai bahan pengajaran bahasa yang terpenting.

Buku teks merupakan bahan pembelajaran asas yang utama untuk murid dan dianggap sebagai bahan pengajaran yang penting (Ab. Halim, 2003). Buku teks masih digunakan secara meluas dalam bilik darjah walaupun terdapat pelbagai alat bahan bantu mengajar yang canggih dalam era teknologi maklumat pada masa ini (Gopinathan, 1983). Kenyataan ini juga di sokong oleh petikan berikut;

The teacher is clearly a critical element in the teaching-learning process; but many educationists content that textbooks are the single most important contribution to improve learning in the schools (Craig et al., 2006; Johnsen, 1993; Gopinathan, 1983, Chambliss dan Calfee, 1989).

Dalam penulisan buku teks, aspek yang diberi penekanan adalah dari segi bahasa. Bahasa merupakan wacana komunikasi yang mengandungi elemen fonologi, kosa kata dan tatabahasa (Fathi Ali dan Mohd. Abd. Rauf, 2003).

Namun demikian, kajian ini hanya tertumpu kepada aspek kosa kata dalam buku teks. Ini adalah disebabkan kosa kata merupakan elemen bahasa yang

terpenting dalam membina sesuatu bahan pengajaran, khususnya buku teks yang digunakan untuk tujuan pengajaran bahasa asing.

Menurut Tarigan (1986), kualiti bahasa seseorang bergantung pada kualiti kosa kata yang dimilikinya. Semakin banyak kosa kata yang dimiliki maka semakin banyak keterampilan berbahasa diperoleh. Nunan (1991) pula melihat bahawa kosa kata merupakan perkara yang penting dalam memperoleh bahasa kedua atau bahasa asing.

Tanpa kosa kata yang luas, seseorang tidak dapat menggunakan struktur dan fungsi bahasa dalam komunikasi secara komprehensif. Ini menepati kehendak kurikulum BA dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) iaitu pelajar memperoleh kosa kata serta menggunakannya dalam percakapan dan penulisan sama ada dalam sekolah atau pun di luar sekolah (Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Bahasa Arab, 2013).

Dalam kajian ini juga, pengetahuan mengenai kosa kata kanak-kanak diketengahkan untuk memastikan kosa kata yang diletakkan dalam bahan pengajaran itu sesuai dengan tahap murid. Selain itu, jumlah kosa kata yang dikuasai oleh kanak-kanak pada peringkat umur yang tertentu juga berguna dalam penyediaan bahan bacaan untuk mereka. Oleh yang demikian, pengkaji cuba mengutarakan kajian daripada sarjana terdahulu secara umum tanpa memfokuskan sama ada dalam bidang pengajaran bahasa pertama atau bahasa asing.

Untuk memperlihatkan betapa pentingnya kosa kata dalam penyediaan buku teks, Russel (1963) telah mengingatkan penulis buku teks supaya berhati-hati memilih kosa kata yang sesuai dengan kemampuan pembacanya. Menurutnya juga penulis mestilah sentiasa sedar bahawa jumlah kosa kata kanak-kanak tidak seluas dan sebanyak kosa kata orang dewasa.

Selain itu, pengkaji meneliti permasalahan yang diutarakan oleh Lundsteen (1977) iaitu kebanyakan bahan bacaan mula memperkenalkan kosa kata yang sukar secara mendadak. Sepatutnya pengenalan kosa kata yang baharu dan sukar hendaklah dimulakan secara beransur-ansur kepada pelajar. Bahan yang disediakan itu juga haruslah banyak menggunakan kosa kata yang sudah diketahui oleh kanak-kanak di samping memperkenalkan kosa kata yang baharu secara beransur-ansur.

Terdapat juga pengkaji terdahulu melihat kosa kata kanak-kanak dari perspektif yang lain, antaranya kajian yang dilakukan oleh Jorm (1947). Beliau telah mengkaji mengenai kebolehan membaca kanak-kanak yang normal dengan kanak-kanak yang lambat membaca. Hasil kajian ini beliau mendapati bahawa kosa kata yang tinggi kekerapannya adalah lebih senang dibaca oleh kedua kategori kanak-kanak tersebut.

Burrough (1957) dalam kajiannya yang bertajuk "A Study of the Vocabulary of Young Children" telah mendapati bahawa perkataan baharu yang hendak diperkenalkan kepada kanak-kanak melalui bahan bacaan mestilah dibuat secara sedikit demi sedikit dan diulang dengan lebih kerap. Mengenai hal ini, Belden (1962) mengatakan bahawa kosa kata yang dipilih itu mestilah sejajar dengan kosa kata pembacanya. Otto (1972) pula menyatakan bahawa kanak-kanak lebih senang memahami perkara yang mereka baca sekiranya kosa kata yang digunakan dalam bahan itu serupa dengan perkataan yang sudah mereka kuasai secara lisan.

Kesimpulannya, kajian-kajian yang telah dinyatakan tadi melihat bahawa perkataan yang mudah hendaklah diperkenalkan terlebih dahulu kepada murid dalam bahan bacaan mereka. Selepas itu perkataan yang sukar pula diperkenalkan secara beransur-ansur. Manakala bagi perkataan baharu pula mestilah diberi banyak pengulangan. Ini adalah perlu kerana melalui pendekatan tersebut, murid lebih memahami, meneliti dan menggunakannya dalam pertuturan atau penulisan mereka seharian.

Perbincangan mengenai analisis kosa kata dalam buku teks pula telah menarik perhatian pengkaji dengan apa yang diperkatakan oleh Rushdi Ta'imah dalam bukunya yang tersohor berkaitan dengan penyediaan bahan pengajaran BA iaitu *Dalil 'Amāl fi I'dād al-Mawādd al-Ta'līmiyyah li Barāmiḡ Ta'līm al-'Arabīyyah*, kenyataan beliau adalah seperti berikut:

"ينبغي أن يتعرف القائم بتحليل كتاب لتعليم العربية على عدد المفردات الواردة بالكتاب سواء من مقدمة الكتاب أو من قائمة المفردات بآخر الكتاب أو دليل المعلم أو اتصاله الشخصي بالمؤلف أو بعد كلمات كل درس" (1985).

1.0.1 Jenis Kosa Kata BA

Seterusnya, pengkaji cuba menjelaskan secara ringkas berkenaan jenis kosa kata BA yang perlu dikenal pasti sebelum diletakkan dalam bahan pengajaran. Antaranya ialah, kosa kata aktif, kosa kata pasif, kosa kata konkrit, kosa kata abstrak, kata isi dan kata tugas.

- (a) Kosa kata aktif ialah kosa kata yang diajar untuk kegunaan murid dalam percakapan dan penulisan mereka manakala kosa kata pasif pula ialah kosa kata yang diharapkan pelajar supaya dapat memahaminya apabila mendengar atau membacanya dan tidak semestinya pelajar dapat mengaplikasikan kosa kata tersebut semasa bercakap atau menulis (Mohd. Ali Al-Khūli, 1986). Kesimpulannya, kosa kata aktif dipelajari untuk penggunaan bahasa manakala kosa kata pasif dipelajari untuk penyerapan dalam penggunaan bahasa.
- (b) Selain itu terdapat juga kosa kata konkrit dan kosa kata abstrak. Kosa kata konkrit ialah perkataan yang menunjukkan perkara yang mudah diterangkan oleh guru dan mudah difahami oleh murid seperti perkataan قلم, maka perkataan ini mudah untuk diterangkan sama ada dengan cara menunjukkan benda maujud yang dimaksudkan iaitu pen mahupun

dengan melukis benda tersebut dan lain-lain cara yang dianggap munasabah. Manakala kosa kata abstrak pula adalah sebaliknya, seperti perkataan شجاعة yang bermaksud berani, perkataan ini sukar untuk diterangkan kepada murid melainkan dengan cara menterjemahkan perkataan tersebut (Shahātah Mohd., t.t).

- (c) Kosa kata juga dikelaskan di atas dasar makna perkataan, iaitu kata isi (*content words*) dan juga kata tugas atau disebut sebagai kata nahuan (*grammatical words*). Kata isi merupakan perkataan asas yang terdiri daripada kata nama, kata kerja, kata sifat dan seumpamanya. Setiap perkataan tersebut dapat difahami tanpa memerlukan perkataan lain. Kata tugas atau kata nahuan pula ialah kata yang tidak mempunyai makna leksikal tetapi mempunyai makna tatabahasa dan menunjukkan hubungan tatabahasa (Tatabahasa Dewan, 1993). Menurut Abd. Rahman Chik (1994) kata tugas adalah terdiri daripada *hurūf al-jar*, *hurūf al-'atf*, *adawāt al-istifhām*, *adawāt al-ta'rif* dan seumpamanya. Kata tugas juga memerlukan perkataan lain untuk difahami, seperti perkataan إلى memerlukan perkataan المدرسة, maka gabungan dua perkataan tersebut menghasilkan makna yang boleh difahami.

1.0.2 Asas Pemilihan Kosa Kata

Selepas mengenal pasti jenis kosa kata, perlu diberi perhatian di sini adalah berkenaan asas pemilihan kosa kata untuk diletakkan dalam bahan pengajaran. Asas tersebut ialah:

- (a) Kosa kata yang lazim digunakan hendaklah diutamakan berbanding dengan perkataan yang jarang digunakan.
- (b) Kosa kata yang luas penggunaannya di seluruh negara Arab hendaklah diutamakan berbanding dengan kosa kata yang hanya digunakan oleh sesetengah negara Arab sahaja.
- (c) Kosa kata yang sering digunakan (*familiarity*) hendaklah diutamakan berbanding dengan perkataan yang telah ditinggalkan (tidak digunakan).
- (d) Kosa kata [shumūlah] (*coverage*) iaitu yang memberi makna pada pelbagai bidang perlu diutamakan berbanding perkataan yang terhad dalam memberi makna. Maksud [shumūlah] yang lebih mudah difahami ialah satu perkataan mengandungi pelbagai makna. Seperti perkataan فاكهة, ianya merangkumi jenisnya yang terdiri daripada موز, تفاح, برتقال dan seumpamanya. Oleh yang demikian, mempelajari satu perkataan daripada jenis ini memadai daripada mempelajari banyak perkataan yang lain.
- (e) Kosa kata [ahammiyyah] iaitu kosa kata yang sangat diperlukan oleh murid perlu diutamakan berbanding dengan kosa kata yang kurang diperlukan untuk kegunaan mereka.
- (f) Kosa kata [‘urūbah] iaitu kosa kata yang berasal daripada BA hendaklah diutamakan berbanding kosa kata yang berasal daripada bahasa asing.

Maka perkataan هاتف perlu digunakan berbanding dengan perkataan تليفون. Begitu juga perkataan lain seperti مذياع and حاسوب perlu digunakan berbanding perkataan راديو and كمبيوتر and seumpamanya banyak terdapat dalam buku BA pada masa sekarang (Hassān al-Shamrānī, t.t).

Selain asas pemilihan yang telah dijelaskan, terdapat beberapa langkah juga perlu diambil perhatian berkaitan dengan kosa kata dalam bahan pengajaran, seperti yang telah diketengahkan oleh Maḥmūd Al-Nāqah dan Rushdi Ṭa'īmah (1983) dalam menganalisis buku *al-Kitāb al-Asāsī*. Antara langkah-langkah tersebut adalah:

- (a) Hendaklah memelihara bilangan kosa kata yang perlu diletakkan dalam pelajaran pertama serta tidak melampaui batas secara logik sama ada terlalu banyak atau terlalu sedikit bilangan kosa kata tersebut, ini perlu dilihat dari perspektif para murid dan kemampuan mereka.
- (b) Hendaklah mengambil perhatian terhadap pemeringkatan kosa kata semasa memasukan perkataan baharu.
- (c) Hendaklah mengguna pakai kosa kata yang lazim digunakan daripada buku-buku yang dicadangkan supaya dapat menerangkan mana perkataan yang diperlukan dan sesuai.
- (d) Hendaklah didahului dengan kosa kata konkrit yang membolehkan guru memperkenalkan kosa kata tersebut dengan mudah.

Tingkat kesukaran yang dihadapi oleh murid perlu juga dikenal pasti ketika memasukkan kosa kata yang sesuai dalam bahan pengajaran. Antara faktor yang menyebabkan sesuatu perkataan itu sukar adalah berbilang suku kata, perkataan abstrak, cara menyebut perkataan dan keserupaan antara dua bahasa (bahasa yang dipelajari dengan bahasa ibunda) (Mohd. Ali al-Khūli, 1986).

Berdasarkan penjelasan di atas, pengkaji ingin melihat pemilihan kosa kata yang terdapat dalam buku teks BA bertepatan dengan asas pemilihan kosa kata seperti yang telah dijelaskan. Manakala perbincangan yang lebih terperinci dinyatakan dalam bahagian teori pada bab seterusnya.

1.1 Permasalahan Kajian

Isu pengajaran BA di Malaysia ialah antara isu yang banyak diperkatakan dan diselidiki, malah sudah banyak bahan kajian dihasilkan mengenainya. Antara isu dan permasalahan yang berlaku ialah seperti berikut:

1.1.1 Penguasaan Kosa Kata

Kelemahan penguasaan BA dalam kalangan pelajar secara umumnya masih lagi berlaku (Mat Taib Pa, 2006). Perkara ini jelas berikutan pelajar yang mempelajari BA di Malaysia tidak mampu untuk berkomunikasi dengan baik dengan penutur Arab ketika mereka belajar di universiti sama ada di negara Arab

mahupun di universiti tempatan. Mereka juga tidak mampu untuk memahami dengan jelas bahan bacaan Arab moden mahupun tradisional. Padahal mereka telah menghabiskan masa yang agak lama kira-kira tujuh tahun bagi lepasan Sekolah Menengah Agama dalam mempelajari BA (Abd. Rahman Chik, 1994).

Kenyataan ini disokong oleh beberapa kajian yang dijalankan oleh pengkaji tempatan. Antaranya ialah, kajian yang dilakukan oleh Ismail Muda (1999) yang bertajuk *Penguasaan Bahasa Arab di Kalangan Pelajar-Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Pengkalan Chepa, Kelantan*. Antara dapatan kajian beliau, menunjukkan bahawa pelajar masih lemah dalam penulisan dan juga pertuturan menggunakan BA. Selanjutnya, beliau merumuskan bahawa kekurangan kosa kata dalam kalangan pelajar menyulitkan mereka menguasai bahasa.

Manakala kajian yang dijalankan oleh Saifuddin Hussin (2002) pula menunjukkan bahawa sebanyak 61.7 peratus pelajar yang melepasi batas minima penguasaan perbendaharaan kata BA tingkatan satu, dua dan tiga. Kajian yang dilakukan oleh Sahabudin Salleh (2003) juga menyatakan mengenai masalah kelemahan penguasaan kemahiran bertutur BA dalam kalangan pelajar Melayu.

Selain itu, kajian mengenai penguasaan kosa kata BA di peringkat sekolah rendah dijalankan oleh Rahim Ramly (2009) melalui tesis beliau yang bertajuk *Penguasaan Perbendaharaan Kata Bahasa Arab dalam kalangan Murid Sekolah Kebangsaan Menerusi Program j-QAF: Satu Kajian Kes*. Antara dapatan kajian beliau ialah, tahap penguasaan perbendaharaan kata murid j-QAF masih belum mencapai target yang memuaskan iaitu 67 peratus berada di bawah min pencapaian iaitu 35.2. Ini membawa maksud, kebanyakan murid masih belum dapat menguasai perkataan seharian dengan baik. Tinjauan beliau juga menunjukkan bahawa kebanyakan murid hanya menguasai kurang 20 peratus daripada 486 perkataan yang diajar.

1.1.2 Penilaian Buku Teks

Pelbagai masalah mengenai buku teks juga telah dikenal pasti melalui persidangan dan seminar Pengajaran BA untuk bukan penutur jati yang diadakan di negara Arab dan juga di Malaysia. Persidangan dan seminar yang dijalankan ialah pertama, Seminar Penulisan Buku Pengajaran Bahasa Arab bagi Bukan Penutur Jati yang berlangsung di Rabat pada Mac tahun 1980. Kedua, Seminar Pakar dan Pengkhususan dalam Penulisan Buku dan Penyediaan Bahan Pengajaran untuk Pengajaran Bahasa Arab bagi Bukan Penutur Jati yang berlangsung di Riyadh pada Mac 1982. Ketiga, Seminar Perkembangan Pengajaran Bahasa Arab di Malaysia yang berlangsung di Kuala Lumpur pada Ogos 1990. Keempat, Persidangan Isu-Isu Bahasa Arab dan Ancaman di Abad ke-21 yang berlangsung di Kuala Lumpur pada Ogos 1996.

Hasil kajian dalam pembentangan tersebut menunjukkan bahawa bahan pengajaran dalam buku teks tidak sesuai bagi keperluan pelajar untuk

berkomunikasi dan tidak sesuai untuk menentukan kebolehbacaan pelajar. Selain itu, bahan pengajaran tersebut juga jauh daripada diri dan persekitaran murid.

Persidangan yang dihadiri oleh pakar-pakar pengajaran BA ini, menyeru para hadirin untuk menilai kembali buku yang diguna pakai dalam pengajaran BA terutamanya menilai bahan pengajaran yang digunakan. Selain itu, asas dan kriteria dalam penyediaan bahan pengajaran dan pembikinan buku teks juga perlu dikaji (Rahmat Abdullah, 2001).

Kajian yang dijalankan oleh Azharudin (2005) juga menunjukkan bahawa buku teks yang digunakan mengandungi lebih banyak kekurangan berbanding dengan kelebihan. Antara kekurangan tersebut ialah penerapan kemahiran bahasa tidak lengkap, tiada bahan-bahan sokongan bagi buku teks, pemilihan struktur ayat yang terlalu panjang, kekurangan pengulangan perkataan, tiada penggunaan kamus, jumlah latihan yang sedikit dan tiada pelbagai bentuk serta penerapan ganti nama yang tidak menyeluruh.

Selain itu, antara faktor kelemahan pelajar menguasai BA dengan baik adalah disebabkan oleh kaedah pengajaran yang kurang berkesan dan kandungan buku teks yang tidak sesuai dengan tahap pelajar (Azman Che Mat dan Ahmad Nazuki, 2010).

1.1.3 Kosa Kata dalam Buku Teks

Permasalahan kosa kata dalam buku teks pula dikesan oleh Rushdi Taïmah dengan berpendapat bahawa pemilihan perkataan dalam kebanyakan buku pengajaran BA kepada bukan penuturnya adalah dibuat secara rambang tanpa ada dasar ilmiah tertentu (1982).

Kenyataan ini disokong oleh Mat Taib Pa (2006) dengan menyatakan beberapa persoalan penting iaitu mengenai bilangan perkataan yang hendak diajar, apakah ada dasar dan asas tertentu dalam pemilihan perkataan Arab yang diketengahkan kepada pelajar, bagaimana perkataan tersebut didedahkan kepada pelajar dan apakah didedahkan dalam bentuk sistematik yang mengambil kira aspek pemilihan kosa kata.

Selain daripada masalah yang dikemukakan melalui hasil kajian lepas, pengalaman penulis sebagai guru di sekolah rendah juga menghadapi masalah semasa mengajar murid. Masalah yang paling ketara adalah berkenaan kosa kata yang dibekalkan dalam buku teks. Terdapat kosa kata yang kurang sesuai dengan tahap murid. Sumber permasalahan kajian berdasarkan pengalaman merupakan salah satu sumber yang boleh diguna pakai untuk mengenal pasti masalah kajian (Mohd. Majid Konting, 2005).

Oleh yang demikian, empat aspek penting dalam pengajaran dan pembelajaran iaitu pengajar, teknik pengajaran, bahan pengajaran dan pelajar perlu dikenal

pasti dan diselidiki. Selain itu, penggunaan kosa kata dalam buku teks mestilah terkawal dan mengikut tahap kebolehan bahasa pelajar.

Berdasarkan perbincangan di atas, pengkaji cuba menyelidiki penggunaan kosa kata dalam bahan pengajaran iaitu buku teks BA bagi tahun satu, dua, tiga dan empat. Diharapkan kajian ini dapat memberi panduan khusus bagi mengurangkan permasalahan yang timbul.

1.2 Persoalan Kajian

Hasil daripada huraian dan perbincangan di atas, maka lahirlah beberapa persoalan yang perlu dijawab oleh pengkaji. Persoalan tersebut ialah:

- (a) Apakah asas pemilihan kosa kata dalam pembelajaran bahasa Arab?
- (b) Adakah kosa kata yang terdapat di dalam buku teks bersesuaian dengan tahap pelajar?
- (c) Sejauh manakah tahap penguasaan kosa kata pelajar tahun enam?

1.3 Objektif Kajian

Berdasarkan permasalahan yang telah dinyatakan, maka kajian ini bertujuan mencapai objektif berikut:

- (a) Mengenal pasti asas pemilihan kosa kata dalam pembelajaran bahasa Arab.
- (b) Menganalisis kesesuaian kosa kata dalam buku teks tahun satu, dua, tiga dan empat dengan tahap pelajar.
- (c) Menghuraikan tahap penguasaan kosa kata dalam kalangan pelajar tahun enam.

1.4 Kepentingan Kajian

Kajian yang dijalankan ini diharapkan dapat mencapai kepentingan seperti berikut:

- (a) Guru dapat membuat strategi pengajaran yang lebih berkesan, seperti membantu murid untuk menguasai kosa kata yang kurang kekerapannya dalam buku teks dengan memberi penekanan terhadap kosa kata tersebut serta membuat latihan pengukuhan yang sesuai.
- (b) Penulis, penilai dan editor buku teks dapat meletak bentuk kosa kata yang sesuai serta mengawal jumlah kosa kata yang selayaknya dalam buku teks.
- (c) Penggubal kurikulum dapat merancang penggunaan kosa yang sesuai dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) bagi mata pelajaran bahasa Arab.
- (d) Pihak berwajib daripada Bahagian Pembangunan Kurikulum dapat membina modul pengajaran yang lebih berkesan berpandukan kajian ini.
- (e) Pihak berwajib daripada Bahagian Buku Teks dapat mencadang kosa kata yang sesuai dengan tahap murid serta membuat peraturan yang

selayaknya kepada Dewan Bahasa dan Pustaka dalam penyediaan buku teks.

1.5 Kaedah Kajian

Umumnya, kajian yang dijalankan ini melalui tiga bahagian penyelidikan bagi menghuraikan tiga objektif kajian yang telah ditetapkan. Pertama, mengenal pasti asas pemilihan kosa kata dalam pembelajaran bahasa Arab. Kedua, menganalisis kosa kata dalam buku teks. Ketiga, menghuraikan tahap penguasaan kosa kata dalam kalangan murid tahun enam. Oleh yang demikian, pengkaji menggunakan tiga kaedah penyelidikan yang berbeza bagi tujuan memperoleh dapatan kajian daripada tiga bahagian tersebut. Kaedah-kaedah penyelidikan tersebut ialah kajian kepustakaan, analisis kandungan dan kajian lapangan.

1.5.1 Kajian Kepustakaan

Kaedah kajian kepustakaan atau dikenali kaedah pustaka bermakna penyelidikan dijalankan dengan merujuk kepada bahan-bahan bertulis, pita rakaman, video dan seumpamanya yang telah dilakukan oleh orang lain. Kaedah ini boleh dilakukan di perpustakaan, arkib, muzium dan seumpamanya (Wan Abdul Kadir, 2003).

Dalam mengemukakan asas dan teori berkenaan kosa kata dalam pembelajaran bahasa, pengkaji menggunakan kaedah ini untuk mencapai objektif kajian. Justeru itu, proses pengumpulan data dibuat melalui pemerhatian terhadap sumber data sekunder. Menurut Sabitha Marican (2005) sumber data sekunder boleh wujud dalam bentuk tulisan atau pandang dengar. Antara sumber dalam bentuk tulisan ialah jurnal, buku, majalah, rekod-rekod lepas, laporan dan dokumen, internet, tesis dan sebagainya.

Namun begitu, pengkaji hanya menggunakan bahan daripada jurnal, buku, dan tesis yang berkaitan dengan kajian. Bahan sekunder tersebut pengkaji memperoleh melalui pembacaan di perpustakaan universiti. Antara perpustakaan yang digunakan oleh pengkaji ialah:

- (a) Perpustakaan Universiti Malaya.
- (b) Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa.
- (c) Perpustakaan Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.
- (d) Perpustakaan Sultan Abdul Samad, Universiti Putra Malaysia.

Berdasarkan bahan sekunder yang diperolehi tersebut, pengkaji berjaya mengenal pasti asas pemilihan kosa kata dalam pembelajaran bahasa Arab. Kaedah ini juga menggunakan pendekatan deduktif di mana penyelidik akan memulakan kajiannya dengan sesuatu teori untuk menjelaskan sesuatu pemerhatian. Dengan itu penyelidik akan mengumpul data mengenai sesuatu perkara dan menggunakan teori tersebut untuk menjelaskan data yang diperolehi (Sabitha Marican, 2005).

1.5.2 Analisis Kandungan

Untuk menganalisis kesesuaian kosa kata dalam buku teks, pengkaji menggunakan kaedah analisis kandungan. Analisis kandungan ialah satu bentuk kaedah penyelidikan kuantitatif. Ia ditakrifkan sebagai satu penghuraian yang objektif, sistematik dan kuantitatif bagi suatu kandungan tersurat (Sabitha Marican, 2005). Ianya juga merupakan suatu bentuk analisis terhadap bahan yang terdiri daripada media cetak dan digunakan bagi mengkaji beberapa perkara, seperti istilah, perkataan, konsep, tema, frasa, atau ayat yang ada dalam media berkenaan.

Manakala reka bentuk kajian ini adalah berbentuk deskriptif. Ianya merupakan kajian terhadap bahan bertulis dan data-data yang berbentuk dokumen. Dalam melaksanakan kajian ini, buku teks BA tahun satu, tahun dua, tahun tiga dan tahun empat merupakan korpus bagi mendapatkan data dan maklumat. Data yang diperoleh daripada korpus tersebut dianalisis dengan mengemukakan angka jumlah dan dijelaskan dalam bentuk jadual. Manakala analisis dengan peratusan pula, dinyatakan dalam bentuk carta pai. Seterusnya, dapatan kajian dijelaskan pada setiap jadual dan rajah yang dikemukakan.

1.5.3 Kajian Lapangan

Kajian lapangan ialah kajian yang digunakan untuk mengkaji individu dalam satu-satu lokasi atau keadaan (Sabitha Marican, 2005). Pengkaji menggunakan kaedah ini untuk mengkaji tahap penguasaan kosa kata dalam kalangan murid tahun enam di lima buah sekolah di sekitar Kuala Lumpur.

Dengan menggunakan pendekatan kuantitatif pengkaji mengukur tahap pencapaian murid dengan membina instrumen yang berbentuk soalan ujian. Dengan menggunakan 150 kosa kata yang dipilih, pengkaji kemudiannya membina ujian dalam tiga bahagian. Pertama, ujian kata nama konkrit. Kedua, ujian kata nama abstrak. Ketiga, ujian kata kerja.

Seramai 150 murid merupakan responden dalam kalangan murid tahun enam daripada lima buah sekolah kebangsaan di sekitar Kuala Lumpur. Bagi setiap sekolah seramai 30 responden diambil secara rawak. Responden juga telah melalui pembelajaran secara formal di sekolah kebangsaan selama enam tahun.

Pengkaji mengumpul data mengikut sekolah yang diuji berdasarkan bahagian ujian yang dijalankan (ujian kata nama konkrit, kata nama abstrak dan kata kerja). Setiap ujian yang telah dijalankan pengkaji mengumpul markah yang diperoleh mengikut sekolah. Daripada markah ujian tersebut, pengkaji mengkategorikan pencapaian responden berdasarkan gred. Gred yang diletakkan adalah mengikut skema yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia bagi sekolah rendah.

Data yang diperoleh dianalisis dan seterusnya dijelaskan dalam bentuk jadual dan juga carta pai. Setiap jadual dan rajah dikemukakan dapatan kajian bagi menjelaskan objektif kajian yang dijalankan iaitu menghuraikan tahap penguasaan kosa kata dalam kalangan pelajar tahun enam.

1.6 Batasan Kajian

Kajian ini memberi tumpuan dan membataskan kepada dua elemen berikut:

1.6.1 Kosa Kata

Bahasa merupakan wacana komunikasi yang mengandungi elemen fonologi, kosa kata dan tatabahasa (Fathi Ali dan Mohd. Abd. Rauf, 2003). Namun begitu, pengkaji membataskan kajian ini hanya kepada elemen kosa kata. Ini adalah disebabkan oleh kepentingan kosa kata sebagai langkah pertama untuk memperolehi bahasa.

Selain itu, elemen ini juga bertepatan dengan kajian yang dilakukan iaitu dalam bidang pembelajaran di peringkat rendah. Pada peringkat ini penekanan terhadap kosa kata sangat penting berbanding elemen lain seperti fonologi dan tatabahasa.

1.6.2 Buku Teks Bahasa Arab

Dalam kajian ini, empat buah buku iaitu buku teks BA tahun satu, dua, tiga dan empat yang diguna pakai di sekolah rendah dipilih sebagai korpus untuk dikaji. Buku-buku teks ini telah ditulis berdasarkan KSSR yang disediakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan digunakan sebagai bahan rujukan dan sokongan bagi murid serta guru semasa aktiviti pengajaran dan pembelajaran berlaku.

Buku-buku ini dibekalkan oleh KPM di bawah Skim Pinjaman Buku Teks (SPBT) kepada semua murid di sekolah kebangsaan yang menjalankan program j-QAF di seluruh negara. Memandangkan luas penggunaannya maka perlulah buku teks ini dikaji dan diselidiki.

Selain itu, pengkaji membataskan kajian ini hanya kepada buku teks BA kerana belum terdapat kajian terhadap buku teks ini dijalankan. Buku teks ini juga dibuat berdasarkan kurikulum terkini iaitu KSSR dan masih diguna pakai sehingga hari ini.

1.7 Definisi Operasional

Dalam kajian yang dijalankan ini, terdapat beberapa perkataan atau istilah yang perlu dijelaskan agar tidak timbul salah faham mengenai maksud perkataan tersebut. Antara perkataan tersebut ialah:

1.7.1 Kosa Kata

Menurut Valette (1977) kosa kata adalah kata atau kelompok kata yang memiliki makna tertentu. Dalam Kamus Dewan (1993) kosa kata adalah bermaksud keseluruhan kata dalam sesuatu bahasa dan juga bermaksud perbendaharaan kata ataupun boleh diertikan sebagai himpunan perkataan yang terdapat dalam bahasa yang boleh digunakan oleh pengguna bahasa tersebut.

1.7.2 Buku Teks

Buku teks merupakan bahan pembelajaran asas yang utama untuk murid dan dianggap sebagai bahan pengajaran yang penting (Ab. Halim, 2003). Pengertian buku teks dalam Cambridge International Dictionary of English (1995) ialah buku yang mengandungi maklumat yang terperinci berkenaan mata pelajaran seseorang yang mempelajarinya. Buku teks berperanan sebagai medium kepada pembentukan negara melalui sistem pendidikan negara. Selain itu ianya juga berperanan sebagai media untuk menterjemahkan kehendak kurikulum sesuatu mata pelajaran bagi menyokong objektif dan matlamat Falsafah Pendidikan Negara.

1.7.3 KSSR

Akronim daripada Kurikulum Standard Sekolah Rendah. Matlamat kurikulum ini adalah untuk melahirkan insan seimbang, kreatif, kritis, inovatif melalui tunjang komunikasi, sains dan teknologi, perkembangan fizikal dan estetika, keterampilan diri, kemanusiaan dan kerohanian, sikap dan nilai.

1.7.4 j-QAF

Akronim daripada Jawi, al-Quran, Bahasa Arab dan Fardhu Ain. Program j-QAF ini adalah berasaskan idea YAB Perdana Menteri Malaysia yang telah dinyatakan secara khusus semasa lawatannya ke Kementerian Pelajaran Malaysia pada 30 Disember 2003. Cetusan idea ini telah diperhalusi di peringkat Kementerian Malaysia melalui satu seminar j-QAF pada 3 hingga 5 Mac 2004.

Program ini telah dilaksanakan secara percubaan dalam projek rintis selama tiga bulan dan berakhir pada Julai 2004. YAB Perdana Menteri telah bersetuju program ini dilaksanakan mulai tahun 2005. Tujuan program ini dilaksanakan adalah untuk memperkasakan Pendidikan Islam melalui penekanan khusus dalam program Jawi, al-Quran, Bahasa Arab dan Fardhu Ain yang dilaksanakan di peringkat sekolah rendah.

1.8 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, bab ini telah membincangkan konsep kajian berkenaan penggunaan kosa kata dalam buku teks BA bagi tahun satu, dua, tiga dan empat yang ditulis berdasarkan KSSR. Bab ini juga menyentuh perbincangan para

sarjana linguistik dan pendidikan berkenaan kosa kata dan buku teks. Selain itu, pengkaji juga telah mengemukakan permasalahan kajian serta persoalannya dan tiga objektif kajian. Pengkaji juga telah membincangkan berkenaan kepentingan kajian, kaedah kajian, batasan kajian, definisi operasional dan diakhiri dengan kesimpulan. Dengan mengenal pasti keadaan sebenar buku teks yang sedia ada sekarang, diharapkan dapat mengatasi segala kelemahan bagi meningkatkan lagi kualiti buku teks untuk terbitan pada masa hadapan.





© COPYRIGHT UPM

BIBLIOGRAFI

- Ab. Halim Mohamad dan Wan Mohd. Wan Sulong. (2004). *Kepentingan Kata Pinjaman Arab dalam Bahasa Melayu dan Teknik Penggunaannya dalam Pengajaran Bahasa Arab*. Proceedings of the International Education Conference (EDUCATE) 2004, hlm. 324-334. Sarawak: Universiti Malaysia Sarawak.
- Ab. Halim Mohamad. (2003). *Buku Teks Bahasa Arab di Malaysia: Antara Teori Pengajaran dan Realiti*. Prosiding Wacana Pendidikan Islam (Siri 3) 2003, hlm. 234-250. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abbas Hasan. (1964). *al-Nahwu al-Wāfi*. Mesir: Dār al-Maā'rif.
- Abd. Rahman Chik. (1997). *Ma'āyir al-Taḥakkum fi al-Alfāz fi Ta'lim al-'Arabiyyah li al-Mujtama'āt al-Islāmiyyah fi Janūb Sharqi Āsiyā*. Tesis Doktor Falsafah: Universiti Iskandariah, Mesir.
- Abd. Rahman Chik. (2006). *Qābiliyyah al-Kalimah li al-Ta'allum wa Ahammiyyatuha li Muta'allimī al-Lughah al-'Arabiyyah al-Nāṭiqīna bi Ghair hā*. Prosiding Wacana Pendidikan Islam (Siri 5) 2006, hlm. 389-396. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abd. Rahman Ibrahim al-Fauzān. (2007). *I'dād Mawād Ta'lim al-Lughah al-'Arabiyyah li Ghair al-Nāṭiqīna bi hā*. Riyadh: Universiti Raja Saud.
- Abduh al-Rājihī. (1995). *Imu al-Lughah al-Tatbīqī wa Ta'lim al-'Arabiyyah*. Iskandariah, Mesir: Dar al-Ma'rifat al-Jāmiyyaṭ.
- Abdullah Hassan. (2005). *Linguistik Am*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Amiruddin Hj. Ishak, Mohd. Nasaruddin Mohd. Hashim dan Majdi Hj. Ibrahim. (2011). *al-Lughah al-'Arabiyyah li al-Ṣaff al-Thānī*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (1986). *Kaedah Pengajaran Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azharudin Ahmad Zakaria. (2005). *Penggunaan Buku Teks dalam Pengajaran Bahasa Arab di Sekolah Rendah Agama: Satu Kajian Kes*. Tesis : Universiti Malaya.
- Azman Che Mat dan Ahmad Nazuki. (2010). *Kegunaan Transliterasi Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab dalam GEMA Online Journal of Language Studies Volume 10(2)2010*. Universiti Teknologi MARA (UiTM).

- Bloom, B.S. (ed) (1989). *Taksonomi Objektif Pendidikan, Buku Pedoman 1: Domain Kognitif*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Brown, C & Payne, M.(1994). *Five Essential Steps Of Process in Vocabulary Learning*. cited in Hatch, E & Brown , C., 1995, *Vocabulary, Semantics, and Language Learning Education*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Buku Panduan Kursus Pemantapan Pelaksanaan Kurikulum Pendidikan Islam KBSR*. (2007). Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral, Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Burrough. (1957). *A Study of the Vocabulary of Young Children*. Birmingham: University of Birmingham Institute of Education. *English, Vol. 45*
- Cambridge International Dictionary of English*.(1995). Cambridge: University of Cambridge.
- Chall, J.S. (1974). *Readability: An Appraisal of Research and Application*. Epping Essex: Bowker Publishing Company.
- Chambliss, M.J. & Calfee, R.C. (1989). "Designing Science Textbooks to Enhance Student Understanding". *Educational Psychologist*, 24: 307-322.
- Che Radiah Mezah. (2009). *Kesilapan Leksikal dalam Pembelajaran Bahasa Arab*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Craig, D.R. (2006). *Teaching Language and Literacy*. Kingston: Ian Randle Publishers.
- Daud Abduh. (1979). *Al-Mufradāt al-Shāi'ah fi al-Lughah al-'Arabiyyah*. Riyadh: Universiti Riyadh.
- Daud Abduh. (1984). *Dirāsah fi 'Ilm al-Lughah al-Nafsī*. Kuwait: Universiti Kuwait.
- Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Bahasa Arab Tahun Empat*. (2013). Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Fathi Ali Yunus dan Mohd. Abd. Al-Rauf. (2003). *al-Marji' fi Ta'līm al-Lughah al-'Arabiyyah li al-Ajānib min al-Nazariyyah ila al-Taṭbīq*. Kaherah: Maktabah Wahbah.

- Gilliland, J. (1972). *Readability*. London: University of London Press Ltd.
- Gopinathan, S. (1983). *The Role of Textbooks in Asian Education*. *Prospect: Quarterly Review of Education* 13/3: 343-50.
- Gu, Y. & Johnson, R.K. (1996). *Vocabulary Learning Strategies and Language Learning Outcomes*. *Language learning* 46, 643-679.
- Halliday, M.A.K. (1964). *The Users and Uses of Language*, dalam *Linguistics Sciences and Language Teaching*. London: Longmans.
- Hamdi Abd. Hamid. (2010). *Pegajaran Kosa Kata Arab di Peringkat Menengah Rendah*. Tesis Sarjana: Universiti Malaya.
- Hu, M. and Paul Nation. (2000). *Unknown Vocabulary Density And Reading Comprehension*. *Reading in a Foreign Language* 13, (1): 403-430
- Ismail Muda. (1999). *Penguasaan Bahasa Arab di Kalangan Pelajar-Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Pengkalan Chepa, Kelantan*. Tesis Sarjana: Universiti Malaya.
- Istilah Linguistik Edisi Kedua* (1991). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Johnsen, E.B. (1993). *Textbooks in the Kaleidoscope: A Critical Survey of Literature and Research on Education Textbooks*. Oslo: Scandanavian University Press.
- Jones, Karen H. (1993). *Analysis of Readability and Interest of Home Economics Textbooks for Special Needs Learners*. Conference papers at the American Vocational Association Convention. Nashville: United State.
- Jorm, Anthony F. (1947). *Effect of Word Imagery on Reading Performance as a Function of Reading Ability- Journal of Educational Psychology*, Vol. 69,
- Kamus Dewan Edisi Baru*. (1993). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan Edisi Empat*. (2013). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kertas Makluman, Taklimat Pelaksanaan Projek Rintis Bahasa Arab Menggunakan Lima Waktu Seminggu* (2007). Kementerian Pelajaran Malaysia.

- Khadijah Rohani Mohd. Yunus. (1982). *An Assessment of the Structure Variables in Malay: A Readability Formula*. Tesis Doktor Falsafah. University of Miami.
- Klare, George R. (1969). *The Measurement of Readability*. Iowa: Iowa State University press.
- Maḥmūd Kāmil al-Nāqah dan Rushdi Ṭa‘īmah. (1983). *al-Kitāb al-Asāsī li Ta‘līm al-Lughah al-‘Arabiyyah li al-Nāṭiqīn bi Lughah Ukhrā I‘dāduhu, Taḥlīluhu, Taqwīmuhu*. Mekah: Universiti Ummu al-Qura.
- Maḥmūd Kāmil al-Nāqah. (1985). *Ta‘līm al-Lughah al-‘Arabiyyah li al-Nāṭiqīn bi Lughah Ukhrā*. Mekah: Universiti Ummu al-Qura.
- Mat Taib Pa. (2006). Dasar-Dasar Umum Pengajaran Bahasa Arab di Malaysia. Dlm. Mohd. Rosdi Ismail & Mat Taib Pa (pnyt.). *Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab di Malaysia*, hlm. 1-14. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Mohd. Ali al-Khuli. (1986). *Asālib Tadrīs al-Lughah al-‘Arabiyyah*. Riyadh: Maṭābi‘ al-Farazdaq.
- Mohd. ‘Ali al-Khūli. (1998). *Mu‘jam ‘Im al-Lughah al-Taṭbīqī*. Beirut: Maktabah Lubnan Nāshirūn.
- Mohd. Majid Konting. (2005). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mokhtar Ismail. (2009). *Pentaksiran Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhd Rozman Abdullah. (2003). *Pengajaran Kosa Kata Bahasa Arab Satu Kajian Kes*. Tesis Sarjana : Universiti Malaya.
- Mustafa Ghalāyaini. (1993). *Jāmi‘ al-Durūs al-‘Arabiyyah*. Beirut: Al-Maktabah al-‘Aṣriyyah.
- Nadzeri Hj. Isa. (1998). *Tahap Kebolehbacaan Bahan Bacaan*. Jurnal Pendidikan Bahasa, Bil. 16. 42-48.
- Nation, I.S.P. (2001). *Learning Vocabulary in Another Language*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Ni‘maṭ Fuad. (1973). *Mulakhaṣ Qawā‘id al-Lughah al-‘Arabiyyah*. Kaherah: Nahdah Miṣr.

Nunan, D. (1991). *Language teaching methodology: A textbook for teachers*. New York: Prentice-Hall.

Otto, Wayne. , and Chester, Robert. (1972) *Sight Word for Beginning Readers- Journal of Educational Research*, Vol. 65, (July/ August 1972)

Pabiyah Toklubok @ Hajimaming dan Che Radiah Mezah. (2011). *Penggunaan Kata Pinjaman Arab dalam Bahasa Melayu dan Implikasinya Terhadap Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab*. Jurnal Linguistik Jilid 13.

Panduan Penilaian Dalam Bilik Darjah KBSR (1984). Kementerian Pelajaran Malaysia. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Pedoman Transliterasi Perkataan Arab ke Ejaan Rumi Edisi Kedua (2008). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Pettersson, R. (1993). *Comprehensibility*. Paper presented at The Symposium of the International Visual Literacy Association, June 25-29. Delphi Greece: EDRS.

Qāimah Makkah li al-Mufradāt al-Syāi'ah (t.t). Mekah: Universiti Ummu al-Qura.

Rahim Ramly. (2009). *Penguasaan Perbendaharaan Kata Bahasa Arab dalam Kalangan Murid Sekolah Kebangsaan Menerusi Program j-QAF: Satu Kajian Kes*. Tesis Sarjana : Universiti Malaya.

Rahmat Abdullah. (2001). *al-Kitāb al-Madrasī fi Ta'līm al-Lughah al-'Arabiyyah li al-Nāṭiqīn bi al-Māliziyyah fi Māliziyyā: Muḥāwalah fi Binā' Ma'āyir Khāṣah li Intiqā' al-Nuṣūṣ*. Tesis Doktor Falsafah: Universiti Yarmuk.

Raminah Hj. Sabran. (1989). *Kecekapan Berkomunikasi dalam Bahasa Malaysia untuk Pelatih Maktab Perguruan*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.

Rijaludin Yahya, Abd. Razak Abu Chik dan Suhaina Mohd. Saleh. (2010). *al-Lughah al-'Arabiyyah li al-Ṣaff al-Awwal*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Rijaludin Yahya, Mohd.Hj. Ibrahim dan Mohd. Zuhir Abd. Rahman (2013). *al-Lughah al-'Arabiyyah li al-Ṣaff al-Rābi'*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Rijaludin Yahya, Mohd. Zuhir Abd. Rahman, Mohd. Zaki Abd. Latif dan Mohd. Nasaruddin Mohd. Hashim (2012). *al-Lughah al-'Arabiyyah li al-Ṣaff al-Thālith*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Rosni Samah. (2006). *Pembelajaran Bahasa Arab Sebagai Bahasa Kedua Melalui Pendekatan Kosa Kata dan Bina Ayat*. Prosiding Wacana Pendidikan Islam (Siri 5) 2006, hlm. 271-275. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rushdi Ṭa'īmah. (1982). *al-Usus al-Mu'jamiyyah wa al-Thaqafiyyah li Ta'līm al-Lughah al-'Arabiyyah li Ghair al-Nāṭiqīn biha*. Mekah: Universiti Ummu al Qura.
- Rushdi Ṭa'īmah. (1985). *Dalīl 'Amāl fi I'dād al-Mawadd al-Ta'līmiyyah li Barāmij Ta'līm al-'Arabiyyah*. Mekah: Universiti Ummu al-Qura.
- Sabitha Marican. (2005). *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*. Petaling Jaya: Prentice Hall
- Saifuddin Hussin. (2002). *Penguasaan Perbendaharaan Kata Bahasa Arab di Kalangan Pelajar-Pelajar Tingkatan Tiga: Satu Kajian Kes di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Negeri Melaka*. Tesis Sarjana: Universiti Malaya.
- Sara W. Lundsteen. (1977). *On Developmental Relations between Language Learning and Reading - The Elementary School Journal*, Vol. 77 (Jan. 1977). Irvine: University of California.
- Schmitt, N., & McCarthy, M. (Eds.).(1997). *Vocabulary : Description , Acquisition and Pedagogy*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Shahātah Mohd. Shahātah. (t.t). *al-Mausū'ah al-Ta'līmiyyah li Qawā'id al-Lughah al-Injiliziyyah*. Iskandariah: Dar ibn Khaldun.
- Spache, George D. (1974). *Good Reading for Poor Readers*, Illinois: Garrard Publishing Co.
- Supyan Hussin. (2010). *Pintar Bahasa Inggeris Melalui Kaedah Greek dan Latin*. Selangor: PTS Professional Sdn. Bhd.
- Tarigan, H. G. (1986). *Pengajaran Kosakata*. Bandung: Penerbit Angkasa.
- Tatabahasa Dewan* (2011). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tay Meng Guat. (2005). *Kebolehbacaan Bahan Bacaan*. Jurnal Penyelidikan MPBL, Jilid 6.
- Vallete, R. (1977). *Modern Language Testing. Second Edition*. San Diego, CA: Harcourt Brace Jovanovich.

Wan Abdul Kadir. (2003). *Pengkaedahan Penyelidikan Pengajian Melayu*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Widdowson, H. (1978). *Teaching Language and Communication*. Oxford: Oxford University Press.

Zainal Ariffin. (tanpa tarikh). *Pengukuran dan Penilaian dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Synergy Media.

Zulkifley Hamid. (1994). *Pembelajaran dan Pengajaran Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

